

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 October 2015

Kerajaan saran anak ambil berat terhadap ibu bapa, tingkat kasih sayang – PM

Kenang budi ibu bapa

UM - 27/10/2015

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 OKT.

KERAJAAN mahu anak-anak di negara ini terus mengenang budi ibu bapa menerusi langkah menaikkan had pelepasan cukai golongan M40 serta memberikan pelepasan cukai terkumpul kepada golongan berusia tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah itu bagaimanapun bukan bermaksud apabila mencapai usia tua, ibu bapa perlu ditinggalkan di rumah orang tua.

Sebaliknya, kata Perdana Men-

teri, kerajaan mahu menggalakkan setiap anak di negara ini mengambil berat terhadap ibu bapa masing-masing dan meningkatkan hubungan kasih-sayang antara mereka.

“Langkah yang diperkenalkan ini dapat mengurangkan cukai pendapatan kepada golongan M40 (berpendapatan sederhana) bagi mengurangkan beban dihadapi mereka,” kata Najib sewaktu berucap dalam majlis Perasmian Kompleks Beli-Belah, NU Sentral dan Bangunan Korporat, Menara 1 Sentrum di sini hari ini.

Bajet 2016 dibentangkan di Parlimen Jumaat lalu antara lain menetapkan had pelepasan cukai bagi setiap anak berumur di bawah 18

tahun dinaikkan dari RM1,000 kepada RM2,000, manakala bagi pembayar cukai individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan, dinaikkan dari RM3,000 kepada RM4,000.

Buat julung-julung kalinya, anak-anak yang menyara ibu bapa walaupun tidak tinggal bersama akan juga diberi pelepasan cukai terkumpul sebanyak RM1,500 masing-masing dengan syarat, ibu dan bapa mereka tidak berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan dan berumur 60 tahun ke atas.

Tambah Najib, golongan M40 semakin ramai di negara ini, sejajar dengan misi negara untuk menuju sebuah negara maju.

Sehubungan itu katanya, kerajaan perlu memikirkan untuk mengurangkan beban golongan pertengahan tersebut.

“Dalam Bajet 2016 yang dibentangkan Jumaat lalu, kerajaan mengambil langkah perkenal satu lagi konsep yang tidak begitu diketahui umum iaitu M40, mereka yang berpendapatan RM3,860 sehingga RM8,320 sebulan,” ujarnya.

Najib juga berkata, sebagai sebuah kerajaan, pihaknya perlu bersikap konsisten dan bertanggungjawab.

“Sebagai sebuah kerajaan, kita perlu pikul amanah untuk kesejahteraan rakyat dan negara,” ujarnya.



NAJIB TUN RAZAK diiringi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Pelaburan Hartanah Berhad, Datuk Kamalul Arifin Othman (tiga dari kiri) meninjau NU Sentral dan Menara 1 Sentrum di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA